

PKPB: SOP Solat Jumaat dan fardu di masjid

Oleh: Siti Nor Malyanah Mohd Noor



Solat fardu semasa pkpb dengan kapasiti jemaah seramai 50 orang

KOTA BHARU - Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah mengeluarkan kenyataan pada 20 November 2020 bahawa masjid dibenarkan beroperasi untuk solat Jumaat dan fardu tetapi perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) serta kapasiti yang telah ditetapkan bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit Covid-19.

Menurut bilal masjid Mukim Lubok Jambu, Ahmad Syahiran Muhamad, 24, berkata, ketika menjalankan tugas semasa PKP agak mencabar dan rumit kerana perlu mengawasi para jemaah supaya patuh pada SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka, membawa sejadah sendiri, menulis kehadiran dan juga menjaga penjarakan sosial satu meter.

“Para jemaah juga dilarang berkumpul di kawasan masjid sementara menunggu masuk waktu solat.

“Alhamdulillah para jemaah memberi kerjasama yang baik dalam pematuhan SOP, namun ada segelintir jemaah yang degil dan ingkar dengan arahan serta SOP yang telah ditetapkan,” katanya ketika sesi temubual.

Katanya, para petugas juga diarahkan supaya mengambil berat aspek keselamatan semasa bertugas kerana wabak coronavirus bukan penyakit biasa, tetapi penyakit yang menyebabkan kematian.

“Bilangan jemaah yang dibenarkan solat Jumaat dan fardu dihadkan kepada 50 orang pada setiap waktu atas arahan yang dikeluarkan oleh pihak MAIK, manakala program dan kuliah masjid juga ditangguhkan sehingga tamat PKPB kecuali hanya majlis bacaan Yassin dan solat hajat selama 40 hari sahaja tetap diteruskan kerana majlis ini adalah arahan daripada Duli Yang Maha Mulia, Sultan Muhamad V,” katanya.

Beliau berkata, pada waktu solat fardu, jemaah dipilih mengikut siapa yang terawal sehingga mencukupi jumlah seramai 50 orang manakala, untuk solat Jumaat pula, pihak masjid memutuskan untuk memilih jemaah yang selalu hadir ke masjid pada waktu solat fardu biasa.

Bagaimanapun, jemaah yang berumur 12 tahun ke bawah dan 70 tahun ke atas tidak dibenarkan hadir termasuk individu yang bergejala.

Dalam pada itu, salah seorang jemaah masjid, Muhamad Syakir Hakimi Jaafar berkata, dia perlu menyesuaikan diri terhadap normal baharu walaupun banyak prosedur yang perlu dipatuhi, namun dia akur demi membantu usaha kerajaan memutuskan rantaian Covid-19 yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini.

Bilal yang mewakili seluruh jawatankuasa masjid berharap agar semua jemaah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan MAIK agar penularan virus Covid-19 dapat dibendung dengan kerjasama erat seluruh masyarakat.